



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 18 JULAI 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------|---|---------------------------------------|
| 1. 2. 3. 4. | SEJUTA BENIH IKAN UNTUK TASIK KENYIR SETAHUN, RONALD KIANDEE, UTUSAN BORNEO -ONLINE SATU JUTA BENIH ANAK IKAN DI TASIK KENYIR SETIAP TAHUN, TRDI.MY -ONLINE SEJUTA BENIH IKAN UNTUK TASIK KENYIR SETAHUN: RONALD KIANDEE, SH -ONLINE SEJUTA BENIH IKAN UNTUK TASIK KENYIR SETAHUN, RONALD KIANDEE, BERNAMA -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 5. | GALAK PENANAM DURIAN DAFTAR DENGAN JABATAN PERTANIAN, BH -ONLINE | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 6. | BEKAS PENGARAH DITUDUH KEMUKA TUNTUTAN PALSU, NASIONAL, BH -17 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 18/7/2020 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

Sejuta benih ikan untuk Tasik Kenyir setahun, Ronald Kiandee



KUALA BERANG: Sebanyak sejuta benih ikan akan dilepaskan di Tasik Kenyir setiap tahun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (*gambar*).

Beliau berkata, benih tersebut akan disalur oleh Jabatan Perikanan kepada pihak pengurusan Tasik Kenyir, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) secara berperingkat, bagi memastikan kawasan tersebut sentiasa mempunyai stok ikan darat.

"Kementerian akan terus membuat kerjasama erat bagi memastikan Tasik Kenyir ini terus menjadi tarikan agro pelancongan.

"Pusat-pusat penternakan ikan di negeri ini dan negeri berdekatan, akan dijadikan sebagai pusat khusus untuk pengeluaran sebanyak sejuta benih ikan setiap tahun dan usaha ini akan jadi program

tahunan pihak kementerian," katanya kepada pemberita selepas program pelepasan benih ikan di sekitar Tasik Kenyir, di sini hari ini.

Tasik Kenyir yang mempunyai keluasan kira-kira 209,199 hektar, terkenal sebagai kawasan agro pelancongan dan memancing, namun kini dikatakan tidak mempunyai ikan yang banyak sepertimana tahun tahun sebelum ini.

Pada majlis tersebut sebanyak 25,000 benih ikan pelbagai jenis dilepaskan, iaitu sebanyak 500 ekor ikan kelah, 500 ekor ikan temoleh, 1,000 ekor ikan sebarau dan 23,000 ekor ikan lampan, yang diperolehi dari Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok, Pahang.

Kiandee berkata, Terengganu mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang perikanan dan pertanian, berikutan adanya kerjasama erat dengan pelbagai agensi serta penyelidik termasuklah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), yang mempunyai kepakaran dalam bidang marin.

Beliau berkata, peranan dan kajian UMT pastinya akan memberi impak besar, dalam memastikan kelangsungan industri perikanan negara.

Beliau yang pertama kali membuat lawatan kerja ke Terengganu sejak dilantik pada Mac lepas berkata, negeri itu juga mampu menjadi antara pengeluar utama makanan negara, jika semua pihak bekerjasama dengan baik.

"Terengganu memang antara negeri penting dalam sumber perikanan, tidak kira sama ada laut ataupun darat.

"Tentu sekali ada potensi lain yang boleh diterokai seperti perikanan laut dalam, untuk dijadikan sumber pendapatan negeri pada masa akan datang," katanya. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------|---------|------------|
| 18/7/2020 | TRDLMY | ONLINE | |

Satu Juta Benih Anak Ikan Di Tasik Kenyir Setiap Tahun



HULU TERENGGANU, 18 Julai - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Perikanan Malaysia akan membekalkan satu juta benih anak ikan setiap tahun dalam usaha memulihara sumber berkenaan di Tasik Kenyir.

Menterinya, Dato' Seri Dr. Ronald Kiandee berkata ia menunjukkan keprihatinan yang serius kementeriannya dalam memajukan Tasik Kenyir di bawah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah).

Jelas beliau, ia juga bertujuan bagi meningkatkan stok ikan darat dan sumbernya dalam menjamin bekalan makanan serta meningkatkan sosio-ekonomi nelayan darat di sungai dan juga tasik.

"Dijangkakan projek sebanyak satu juta benih ikan akan diusahakan untuk ditaburkan di tasik ini pada setiap tahun oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

"Jadi pusat-pusat penternakan benih ikan yang ada di negeri ini dan di negeri berdekatan akan dijadikan penternakan khusus untuk pengeluaran benih bagi satu juta benih ikan untuk Tasik Kenyir setiap tahun," katanya.

Ronald Kiandee

Beliau berkata demikian kepada pemberita di sidang media selepas Program Libat Urus bersama myKomuniti Perikanan (myKP) Pengkalan Gawi dan Program Pelepasan Benih ke Perairan Umum di Sungai Leban, Tasik Kenyir, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, Pengerusi Ketengah, Dato' Razali Idris, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Dato' Munir Mohd Nawi dan Pengurus Besar Ketengah, Tengku Ahmad Nadzri Tengku Musa.

Sementara itu, sebanyak 25,000 benih ikan pelbagai jenis dilepaskan iaitu 500 ekor ikan kelah, 500 ekor ikan temoleh, 1,000 ekor ikan sebarau, dan 23,000 ekor ikan lampan ke Sungai Leban yang diperolehi dari Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlak, Pahang.

Terdahulu, seramai lapan orang penerima daripada Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir yang terdiri daripada nelayan darat menerima bantuan berupa jaket keselamatan dan tong insulasi.



Ronald berkata bantuan ini disalurkan khusus bagi memperkukuhkan program dan aktiviti perikanan berkelompok yang dijalankan oleh setiap myKP yang memohon.

"Bantuan individu ini juga mampu meringankan bebanan kumpulan sasaran terutama nelayan darat yang terkesan akibat daripada penularan wabak Covid-19 di negara ini," tambah beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 16/7/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

Sejuta benih ikan untuk Tasik Kenyir setahun: Ronald Kiandee



KUALA BERANG - Sebanyak sejuta benih ikan akan dilepaskan di Tasik Kenyir setiap tahun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, benih tersebut akan disalurkan oleh Jabatan Perikanan kepada pihak pengurusan Tasik Kenyir, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) secara berperingkat bagi memastikan kawasan tersebut sentiasa mempunyai stok ikan darat.

"Kementerian akan terus membuat kerjasama erat bagi memastikan Tasik Kenyir ini terus menjadi tarikan agro pelancongan.

"Pusat-pusat penternakan ikan di negeri ini dan negeri berdekatan akan dijadikan sebagai pusat khusus untuk pengeluaran sebanyak sejuta benih ikan setiap tahun dan usaha ini akan jadi program tahunan pihak

kementerian," katanya kepada pemberita selepas program pelepasan benih ikan di sekitar Tasik Kenyir di sini hari ini.

Tasik Kenyir yang mempunyai keluasan kira-kira 209,199 hektar terkenal sebagai kawasan agro pelancongan dan memancing namun kini dikatakan tidak mempunyai ikan yang banyak sepertimana tahun-tahun sebelum ini.

Pada majlis tersebut sebanyak 25,000 benih ikan pelbagai jenis dilepaskan, iaitu sebanyak 500 ekor ikan kelah, 500 ekor ikan temoleh, 1,000 ekor ikan sebarau dan 23,000 ekor ikan lampan, yang diperolehi dari Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok, Pahang.

Kiandee berkata, Terengganu mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang perikanan dan pertanian berikutan adanya kerjasama erat dengan pelbagai agensi serta penyelidik termasuklah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), yang mempunyai kepakaran dalam bidang marin.

Beliau berkata, peranan dan kajian UMT pastinya akan memberi impak besar, dalam memastikan kelangsungan industri perikanan negara.

Beliau yang pertama kali membuat lawatan kerja ke Terengganu sejak dilantik pada Mac lepas berkata, negeri itu juga mampu menjadi antara pengeluar utama makanan negara, jika semua pihak bekerjasama dengan baik.

"Terengganu memang antara negeri penting dalam sumber perikanan, tidak kira sama ada laut ataupun darat.

"Tentu sekali ada potensi lain yang boleh diterokai seperti perikanan laut dalam untuk dijadikan sumber pendapatan negeri pada masa akan datang," katanya. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------|---------|------------|
| 18/7/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

Sejuta benih ikan untuk Tasik Kenyir setahun, Ronald Kiandee



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan

KUALA BERANG, 18 Julai -- Sebanyak sejuta benih ikan akan dilepaskan di Tasik Kenyir setiap tahun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, benih tersebut akan disalur oleh Jabatan Perikanan kepada pihak pengurusan Tasik Kenyir, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) secara berperingkat, bagi memastikan kawasan tersebut sentiasa mempunyai stok ikan darat.

"Kementerian akan terus membuat kerjasama erat bagi memastikan Tasik Kenyir ini terus menjadi tarikan agro

pelancongan.

"Pusat-pusat penternakan ikan di negeri ini dan negeri berdekatan, akan dijadikan sebagai pusat khusus untuk pengeluaran sebanyak sejuta benih ikan setiap tahun dan usaha ini akan jadi program tahunan pihak kementerian," katanya kepada pemberita selepas program pelepasan benih ikan di sekitar Tasik Kenyir, di sini hari ini.

Tasik Kenyir yang mempunyai keluasan kira-kira 209,199 hektar, terkenal sebagai kawasan agro pelancongan dan memancing, namun kini dikatakan tidak mempunyai ikan yang banyak sepertimana tahun-tahun sebelum ini.

Pada majlis tersebut sebanyak 25,000 benih ikan pelbagai jenis dilepaskan, iaitu sebanyak 500 ekor ikan kelah, 500 ekor ikan temoleh, 1,000 ekor ikan sebarau dan 23,000 ekor ikan lampin, yang diperolehi dari Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok, Pahang.

Kiandee berkata, Terengganu mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang perikanan dan pertanian, berikutan adanya kerjasama erat dengan pelbagai agensi serta penyelidik termasuklah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), yang mempunyai kepakaran dalam bidang marin.

Beliau berkata, peranan dan kajian UMT pastinya akan memberi impak besar, dalam memastikan kelangsungan industri perikanan negara.

Beliau yang pertama kali membuat lawatan kerja ke Terengganu sejak dilantik pada Mac lepas berkata, negeri itu juga mampu menjadi antara pengeluar utama makanan negara, jika semua pihak bekerjasama dengan baik.

"Terengganu memang antara negeri penting dalam sumber perikanan, tidak kira sama ada laut ataupun darat.

"Tentu sekali ada potensi lain yang boleh diterokai seperti perikanan laut dalam, untuk dijadikan sumber pendapatan negeri pada masa akan datang," katanya.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 18/7/2020 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

Galak penanam durian daftar dengan Jabatan Pertanian



JELEBU: Pengusaha tanaman durian digalakkan mendaftar dengan Jabatan Pertanian bagi membolehkan data berkaitan seperti jumlah dan keluasan tanaman diperolehi dengan tepat.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir, berkata ketika ini angka berkaitan tanaman dibuat secara anggaran.

"Kita hanya mempunyai data sahih tanaman baharu pelbagai jenis durian memabitkan kawasan seluas 400 hektar di sekitar Jelebu.

"Apabila berdaftar dengan jabatan, kita akan mempunyai data lengkap berkaitan durian yang ditanam selain membolehkan pihak jabatan menyalurkan bantuan seperti baja kepada mereka," katanya.

Beliau ditemui pada program santai makan durian bersama media di

Kampung Parit Gong, Pertang.

Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang, berkata selaras usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang memperkenalkan standard durian kampung premium (DKP), orang ramai turut digalakkan menanam DKP namun pada masa sama menanam varieti.

"Di Jelebu ada sesetengah tempat durian berbuah dua atau tiga kali setahun dan daerah ini juga berpotensi untuk dijadikan lokasi agro pelancongan durian apatah lagi lokasi berhampiran dengan Kuala Lumpur," katanya.

| | | | |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Bekas pengarah dituduh kemuka tuntutan palsu | | |
| Media Title | Berita Harian | | |
| Date | 18 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 17 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 235 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,977 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,931 |



Bekas pengarah dituduh kemuka tuntutan palsu

Kuala Lumpur: Seorang bekas pengarah syarikat pembekal ubat-ubatan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan mengemukakan tuntutan palsu bagi pembayaran balik daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (kini dikenali Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) berjumlah lebih RM1 juta.

Gulam Rusol Md Ismail, 57, mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai presiden dan pengarah syarikat Natureceuticals Sdn Bhd didakwa mengemukakan permohonan bagi tuntutan bayaran balik pembelian Stickpack Machine berjumlah RM1,225,000 kepada Nordaniah Rohimi, Pegawai Tadbir N41 dengan niat memperdayakan Ke-

menterian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dokumen itu mengandungi butiran palsu iaitu salinan invoice Northern Petrochem Sdn Bhd, salinan pesanan pembelian Natureceuticals Sdn Bhd, dua salinan masing-masing baucar pembayaran dan cek Maybank yang dilampirkan, sedangkan pembelian Stickpack Machine tidak pernah dibekalkan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Pembangunan Herba, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Aras 2, Bangunan Galeri PJH, Lot 29, Jalan P4W, Presint 4, Persiaran Perdana, Putrajaya, pada 16 Disember 2014.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah dipalsu

atau RM10,000.

Sementara itu, di mahkamah sama, Pengarah Syarikat Northern Petrochem Sdn Bhd, Kamaruzzaman Kamaludeen, 47, mengaku tidak bersalah atas dakwaan bersubahat dengan Gulam Rusol melakukan kesalahan sama dan didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan dibaca bersama Seksyen 28(1)(c) akta sama, yang memperuntukkan hukuman sama.

Tertaluhu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Fadly Mohd Zamry, menawarkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin terhadap kedua-dua tertuduh, berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di pejabat SPRM berdekatan.

Bagaimanapun, Gulam Rusol yang diwakili peguam Rahmat Mohamed Hazlan merayu jani-

uan RM30,000 dengan alasan sudah memberi kerjasama penuh, selain menghidap masalah serangan jantung dan masih menerima rawatan sehingga kini.

Kamaruzzaman yang diwakili peguam Nasba Harun pula memohon dibenarkan ikat jamin RM5,000 kerana baru dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan dan dikenakan jaminan RM30,000 berserta syarat tambahan sama.

Azura kemudian membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah serta perlu melapor diri di pejabat SPRM Pulau Pinang selingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 17 Ogos ini untuk sebutan semula kes.